

pat sahabat terlepas kuman gantung



Mahu Jailani dicalonkan kembali



Henry Golding teruja bertemu Ellen DeGeneres



Konsert Mariah Carey di Kuala Lumpur 16 Oktober



Custom Search

KIP REIT labur RM9.56 juta pasang sistem PV

NORSHAHZURA MAT ZUKI
24 APRIL 2018

Lak Seong (dua, kiri) bersama tetamu yang hadir selepas menandatangani Perjanjian Induk 2,730 kwp Solar Photovoltaic System KIP REIT Estate Investment Trust melibatkan KIP REIT dan Pekat, di Menara KIP.

A- A+ (Ubah saiz teks)

KIP REIT Management Sdn Bhd (KIP REIT) akan memasang sistem solar fotovolta (PV) untuk menjana tenaga sebanyak 2,730 kilowatt (kw) melibatkan enam aset hartanahnya dengan jumlah perbelanjaan RM9.56 juta.

Untuk melaksanakan pemasangan yang merupakan inisiatif hijau, KIP REIT bekerjasama dengan Pekat Solar Sdn Bhd (Pekat) selama 25 tahun.

Pengarah Urusannya, Datuk Chew Lak Seong berkata, pemasangan sistem PV itu melibatkan enam aset KIP REIT iaitu lima KIP Mart yang terletak di Tampoi, Kota Tinggi, Masai; Johor, Senawang; Negeri Sembilan dan Melaka serta di KIP Mall, Bangi Selangor.

"Inisiatif ini adalah gabungan kedua-dua pihak KIP REIT dan Pekat dengan asas perkongsian sebanyak 80:20, yang mana jumlah pelaburan KIP REIT adalah RM7.64 juta. Pelaburan ini merupakan dana melalui pinjaman bank.

"KIP REIT mengunjurkan inisiatif pemasangan sistem PV, penjimatan kos elektrik berjumlah RM26.4 juta sekali gus menambahkan pendapatan bersih tahunan," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani Perjanjian Induk 2,730 kwp Solar Photovoltaic System KIP REIT Estate Investment Trust melibatkan KIP REIT dan Pekat, di Menara KIP, Kuala Lumpur.

Majlis perjanjian itu diwakili Edward Cheah Ken-Sze dari Pacific Trustees Berhad dan Wee Chek Aik dari Pekat Solar Sdn Bhd.

Hadir sama Pengarah Eksekutif KIP REIT Management Sdn Bhd, Datuk Eric Ong KL dan Pengarah Urusan Kumpulan Pekat Group, Chin Soo Mau.

TOP 5 VIDEO PALING HANG

- 1 Puad Zarkashi harus teri Ahmad Zahid
- 2 Wanita OKU ditemui kur bergelumang najis
- 3 Wan Azizah umum calor
- 4 'Kentut' dapat nama bah
- 5 Senarai penuh calon PRI

DAPATKAN BERITA SI SETIAP HARI DI EM

Nama

Email

 Saya telah memahami dan i Polisi Data Peribadi Karangkraf di: <http://www.karangkraf.com/ppdpk>

Langgan!

Pasukan mana bak menjuarai Piala Du

- Argentina
- Belgium
- Brazil
- England
- Perancis
- Jerman
- Poland
- Portugal
- Rusia
- Sepanyol
- Lain-lain

Lihat Keputusan

Sinar@Social & Video
Sinar TV



Tambahnya, pemasangan sistem solar PV tersebut akan bermula pada Mei ini dan dijangka siap dalam tempoh empat hingga lima bulan.

"KIP REIT menjangkakan inisiatif ini akan menambahkan 78.1 megawatt hours (mWh) elektrik daripada PV sistem iaitu menjimatkan 9,782 kilogram arang batu daripada dibakar untuk menghasilkan elektrik tersebut," katanya.

Sementara itu, Soo Mau berkata, kerjasama itu merupakan satu inisiatif yang baik untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan mengurangkan pengeluaran karbon.



BERITA

English
Nasional
Politik
Edisi
Semasa
Sinar TV
Bisnes
Global
Hiburan
Sukan

UMUM

Tentang Kami
Kerjaya
Pelabur
Syarat & Penafian

BERHUBUNG

Hubungi Kami
Apps
RSS
Klasified

IKUTI KAMI

Facebook
Twitter
Youtube
Instagram



SINAR HARIAN

Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran
Selangor,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul